

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/1 (28)

Tarikh : 13 Mac 2025

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 2/2025

PENGUNAAN EDISI TERKINI STANDARD PROGRAM : PENGAJIAN MEDIA DAN KOMUNIKASI EDISI KEDUA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 2/2014 bertarikh 13 Februari 2014.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Standard Program: Pengajian Media dan Komunikasi Edisi Kedua (Programme Standards: Media and Communication Studies Second Edition) telah dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan dikuatkuasakan penggunaannya pada 17 Februari 2015. Dokumen ini telah menjadi rujukan utama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran dan jaminan kualiti program pendidikan dalam bidang Pengajian Media dan Komunikasi di Malaysia.
3. Bagi memastikan Standard Program: Pengajian Media dan Komunikasi Edisi Kedua kekal relevan, MQA telah melaksanakan kajian semula berasaskan kepada input yang diterima daripada pihak berkepentingan. Kandungan dokumen telah disemak dan ditambah baik oleh panel pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan industri agar selaras dengan perkembangan semasa pendidikan tinggi pada peringkat nasional dan antarabangsa.
4. Standard Program: Pengajian Media dan Komunikasi Edisi Kedua dikaji semula dengan berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti di Malaysia berdasarkan Kod Amalan MQA serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) Edisi Kedua 2024. Dokumen ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program berkaitan Pengajian Media dan Komunikasi.
5. Dokumen ini akan menjadi rujukan kepada PPT dan digunakan oleh pegawai dan Ahli Panel Penilai (APP) MQA dalam penilaian akreditasi program. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan edisi terkini

Standard Program: Pengajian Media dan Komunikasi dapat menghasilkan graduan program berkaitan Pengajian Media dan Komunikasi yang berkualiti.

6. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program berkaitan Pengajian Media dan Komunikasi adalah tertakluk kepada penggunaan standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pematuhan Akreditasi. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard/dasar yang ditetapkan oleh MQA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), standard yang lebih tinggi adalah terpakai kecuali dinyatakan sebaliknya.

7. Standard program ini juga perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF, dokumen jaminan kualiti yang berkaitan serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

8. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Pengajian Media dan Komunikasi Edisi Ketiga adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	17 Mac 2025 sehingga 16 Mac 2026	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program. Nota: i. Kohort pelajar yang diambil selepas tempoh transisi tamat perlu mengguna pakai kurikulum baharu dalam standard program. ii. Kohort pelajar yang sedang berada dalam sistem boleh mengguna pakai kurikulum sedia ada seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walaupun bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin mengguna pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.
2.	17 September 2025	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu mematuhi syarat kelayakan masuk

BIL.	TARIKH	PERKARA
		berdasarkan standard program.
3.	17 September 2025	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.

9. Standard program edisi terkini ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PJH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 6, Bangunan Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 BANGI SELANGOR
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Institut Pengajian Siswazah (IPSiS)
Tingkat 4, Bangunan Sarjana
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK
17. Presiden
Society for Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance
Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, Jalan Menara Gading
UCSI Heights (Taman Connaught)
56000 CHERAS, W.P. KUALA LUMPUR